

Pindaan Akta Lembaga Tembakau Negara dijangka lulus tahun depan

KANGAR 10 Okt. -Pindaan terhadap Akta Lembaga; Tembakau Negara 1973 yang membolehkan penanam tembakau mengusahakan tanaman selain tembakau, dijangka dapat diluluskan oleh Parlimen awal tahun depan.

Pengerusi Lembaga Tembakau Negara (LTN), Mohd. Zain Ismail berkata, pindaan itu sedang dirangka oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan ia akan membolehkan para pengusaha tembakau meningkatkan pendapatan dengan menjalankan projek tanaman lain termasuk ternakan.

"Sebaik diluluskan, LTN akan bergerak secara agresif dengan menggalakkan pena-

nam tembakau mengusahakan tanaman lain yang pasarannya terjamin dan mendapat permintaan tinggi.

"Kita akan memberi tumpuan pada safed musli iaitu sejenis tanaman herba dari India dan juga tanaman kenaf," katanya kepada para pemberita selepas menghadiri majlis penyampaian Bantuan Peralihan Penanam Tembakau (BPPT) peringkat pertama di Auditorium Taman Budaya Negeri di sini semalam.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Datuk Abu Bakar Ismail dan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Azihani Ali.

Seramai 125 penanam tembakau seluruh Perlis menerima bantuan sebanyak RM2,500 untuk menjalankan aktiviti tanaman integrasi dan ternakan dalam tempoh peralihan.

Kerajaan menyediakan sebanyak RM86.6 juta untuk diagihkan kepada 11,708 penanam tembakau seluruh negara dengan lebih 50 peratus sudah menerimanya dan agihan bantuan itu dijangka selesai 14 Oktober ini.

Mohd. Zain berkata, LTN merancang untuk memperluaskan tanaman safed musli ke seluruh negara dan sebuah syarikat memproses herba sudah menyatakan kesediaan membeli tanaman itu daripada

penanam tempatan.

"LTN telah menanam safed musli seluas enarri hektar di Kelantan dan Melaka sebagai projek percubaan sebelum merancang mengagihkan benih tanaman herba itu kepada penanam tembakau tahun depan," katanya.

Menurut beliau, penanam tembakau perlu mencari tanaman alternatif untuk menambah pendapatan kerana kuota tembakau negara semakin berkurangan setiap tahun.

Tahun ini tambahnya, kuota tembakau, negara ialah sembilan juta kilogram berbanding 2004 sebanyak 15 juta kilogram dan tahun depan kuota dijangka terus berkurangan kepada lapan juta kilogram.